

MINORITY SHAREHOLDER WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD
(Incorporated in Malaysia – Registration No. 200001022382 (524989-M))

Berita Harian – Monday, August 16, 2021 (A)

Jumlah pengarah wanita dalam PLC meningkat

Syarikat senarai awam (PLC) secara puratanya mempunyai 17 peratus pengarah wanita sebagai ahli lembaga pengarah mereka tahun lalu, meningkat dari pada 15 peratus yang dicatatkan pada 2019.

Perangkaan itu diperolehi daripada Kumpulan Peman-tau Pemegang Saham Minoriti (MSWG) dalam penilaian terkini Tadbir-Urus Korporat (CG) 2020.

Penilaian berkenaan tidak termasuk syarikat yang tersenarai di Pasaran LEAP, PNI7 dan GNS menggunakan Kad Skor CG ASEAN.

Secara keseluruhan, 851 PLC dinilai pada tahun lalu.

“Walaupun terdapat peningkatan pengarah wanita, 220 PLC yang dinilai tidak mempunyai wakil ahli lembaga pengarah wanita,” menurut MSWG dalam kad skor penilaian yang dikeluarkan.

Ia juga berkata, 370 PLC yang dinilai mempunyai sekurang-kurangnya seorang pengarah wanita dan 142 mempunyai sekurang-kurangnya 30 peratus wanita dalam lembaga pengarah mereka.

Laporan itu turut mendedahkan jumlah PLC yang membayar dividen merosot kepada 445 tahun lalu daripada 460 pada 2019.

Sebagai perbandingan, terdapat 499 PLC yang membayar dividen dalam penilaian 2018.

“Dengan mengambil kira COVID-19 yang berpanjangan, angka ini dijangka terus berkurangan pada tahun ini kerana PLC sama ada terjejas teruk oleh pandemik itu atau lebih berkemungkinan berhemat dalam pengalihan keuntungan kepada pemegang saham,” katanya.

Jumlah PLC yang menggunakan Pakai Laporan Bersepadu meningkat kepada 33 pada 2020 berbanding 22 pada 2019.

Pelaporan bersepadu adalah pendekatan yang meningkatkan pendakatan yang meningkatkan cara perniagaan berfikir, merancang dan melaporkan kepada pihak berkepentingan mereka mengenai bagaimana nilai diciptakan dalam lingkungan pertumbuhan masing-masing.

MSWG berkata, ia berharap dapat melihat lebih banyak PLC menggunakan Laporan Bersepadu dalam penilaian masa depan.

Dalam penilaian 2020, sejumlah 274 PLC yang menjalankan mesyuarat agung tahunan (AGM) mereka secara maya kerana COVID-19.

“Jumlah PLC yang menetapkan dasar had jangka masa untuk pengarah bebas meningkat kepada 80 pada 2020 daripada 52 pada 2019,” katanya. BERNAMA